

30/04/1997

MTMK anjur Multimedia Asia '97

MAJLIS Teknologi Maklumat Kebangsaan (MTMK) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menganjurkan persidangan Multimedia Asia 1997 (MMA '97) mulai 16 hingga 19 September ini.

Acara berkenaan adalah rangka kerja tahunan antarabangsa kedua bagi dialog dan penilaian kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan.

Ia dijangka dirasmikan oleh Dr Mahathir bertempat di Mines Resort, Sungai Besi menurut kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat dua jam MTMK di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, minggu lalu.

MMA '97 yang bertema Menggerakkan MSC Daripada Wawasan Kepada Kenyataan: Angka Rujuk Penyelesaian Pintar, akan dijadikan platform bagi membincangkan isu penting berkaitan integrasi sistem dalam perundangan, sekuriti, sosial, komersil dan alam sekitar.

Acara itu juga dijangka akan menjadi tempat kepada pembekal teknologi bertemu untuk membangunkan perkongsian pintar antara usahawan Malaysia dengan rakan usaha sama dari luar negara terutamanya untuk projek MSC dan juga bidang lain di rantau ini.

Pameran MMA '97 akan mempamerkan barangan yang berkaitan MSC dan bandar raya IT, Putrajaya dan Cyberjaya.

MMA 97 adalah anjuran bersama Mimos Berhad, Multimedia Development Corporation (MDC), Putrajaya Holdings Berhad dan Miller Freeman Sdn Bhd.

(END)